



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 15/2025

PELUNCURAN DANA ANTARABANGSA BELIA KBS

16 APRIL 2025

1. YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah melancarkan Dana Antarabangsa Belia KBS (*International Youth Fund, IYF@KBS*) di Menara KBS hari ini. IYF@KBS merupakan inisiatif Kerajaan Madani untuk memperkasa pembangunan belia melalui penyertaan dalam mesyuarat, forum, persidangan dan simposium di peringkat antarabangsa.
2. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuh penglibatan aktif, membangunkan kemahiran kepimpinan dan advokasi, memberikan pendedahan di peringkat antarabangsa serta memperluas rangkaian belia selari dengan nilai teras daya cipta dan keyakinan dalam Malaysia MADANI. Melalui inisiatif ini, KBS berharap supaya generasi belia yang berdaya saing dan berupaya membawa suara Malaysia ke persada dunia dapat dilahirkan.
3. Permohonan ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 hingga 30 tahun yang merupakan ahli kepada persatuan, pertubuhan, atau kelab yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY), Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).

4. Penganjur mesyuarat, forum, persidangan, dan simposium yang dipertimbangkan bagi dana ini adalah seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Komanwel, Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.
5. Skop penajaan merangkumi yuran penyertaan, tiket penerbangan pergi dan balik (kelas ekonomi), elaun penginapan, elaun makan, insurans dan visa mengikut kadar yang ditetapkan oleh KBS.
6. Permohonan IYF@KBS akan dilaksanakan melalui dua jendela seperti berikut:
 - (i) Jendela pertama – 16 April - 3 Mei 2025; dan
 - (ii) Jendela kedua – 16 April - 1 Ogos 2025.
7. Maklumat lanjut dan perincian proses permohonan dana ini boleh diakses melalui laman sesawang rasmi Kementerian Belia dan Sukan (www.kbs.gov.my/iyf). Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Sekretariat IYF melalui talian 03-88713356 atau e-mel di international@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

